

# Bila Si Kecil Mula Bertanya: Bunga dan Burung

ZAMAN KANAK-KANAK

ARTIKEL

JUL 9, 2020

Selain daripada "Bagaimana" dan "Bila", persoalan yang selalu menjadikan para ibu bapa tidak bersedia adalah "'Baby' datang dari mana". Ketahui beberapa cara untuk menerangkannya dalam artikel ini.

*Ceritakan tentang seks dengan cara yang sesuai mengikut usia anak anda. Sampaikan maklumat yang sesuai dan mudah difahami mereka*

Kita hidup di dunia yang semakin kompleks dan rumit serta mencabar kita setiap hari dengan pelbagai isu yang membimbangkan yang sukar difahami anak-anak dan ternyata sukar untuk kita yang dewasa untuk menerangkannya. Selain daripada "Bagaimana" hingga "Bila", persoalan yang selalu menjadikan para ibu bapa tidak bersedia adalah "'Baby' datang dari mana".

Berikut adalah beberapa idea yang membantu anda untuk bercerita dengan anak tentang hubungan kelamin:

- Berikan Maklumat Tepat dan Bersesuaian dengan Usia - ceritakan tentang seks dengan cara yang sesuai mengikut usia anak anda. Sampaikan maklumat yang sesuai dan mudah difahami mereka.
- Mula dari Awal - mendidik anak tentang seks memerlukan pendekatan dengan maklumat yang halus dan berterusan seawal yang mungkin, contohnya apabila mendidik anak kecil anda tentang tubuh badan.
- Ambil Inisiatif - cari peluang untuk membangkitkan perkara itu. Contohnya, ibu kepada kawan baik anda hamil. Anda boleh berkata, "Adik nampak tak perut 'mummy' Nina makin besar? Sebabnya ialah dia ada 'baby' dalam perut dia dan 'baby' tu membesar dalam perut dia. Adik tahu tak macam mana 'baby' yang kecil ada dalam perut dia?", kemudian biarkan perbualan itu berlarutan.
- Ceritakan Lebih Daripada "Burung dan Bunga" - bincangkan tentang aspek emosi berkenaan hubungan kelamin dengan anak anda agar mereka dimaklumkan secukupnya.
- Sedari Tahap Keselesaan Anda - mengetahui tahap keselesaan anda adalah penting. Ambil masa untuk membayangkan perbualan pada usia dan tahap kehidupan anak anda yang berlainan.

- Ceritakan Nilai/Prinsip Anda - beritahu anak anda tentang prinsip anda berkenaan hubungan kelamin. Walaupun mereka mungkin tidak menggunakan nilai-nilai ini apabila mereka matang, sekurang-kurangnya mereka akan sedar mengenainya.
- Gunakan Situasi Harian - program televisyen biasanya membuka peluang untuk bercerita tentang perhubungan.

Penafian: Kandungan ini dikongsi sebagai bahan untuk maklumat sahaja dan bukan sebagai penggantian untuk nasihat pakar/perubatan, diagnosis atau rawatan. Anda dinasihati supaya sentiasa dapatkan nasihat profesional kesihatan untuk sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan keadaan perubatan/situasi khusus.

## Rujukan:

1. <https://www.positiveparentingsolutions.com/parenting/tips-for-talking-to-your-kids-about-the-birds-the-bees>
2. [https://www.linkedin.com/pulse/how-talk-your-child-were-born-blossom-menezes-cua-cspo-/?trk=read\\_related\\_article-card\\_title](https://www.linkedin.com/pulse/how-talk-your-child-were-born-blossom-menezes-cua-cspo-/?trk=read_related_article-card_title)

